

Garis Panduan Pemberian Makanan Bayi dan Kanak-Kanak Kecil

Kumpulan Kerja Teknikal Pemakanan
Bayi Dan Kanak-Kanak Kecil

Bahagian Pemakanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
2008

Isi Kandungan

	muka/surat
1. Pra-kata oleh Menteri Kesihatan Malaysia	3
2. Penghargaan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia	4
3. Pengenalan	5
4. Garis Panduan Pemberian Makanan Bayi dan Kanak-Kanak Kecil	8
5. Rasional Bagi Prinsip Pemberian Makanan Bayi Dan Kanak-Kanak Kecil	25
6. Rujukan	42
7. Glosari	45
8. Appendik	47
<u>Appendik I</u>	47
Sebab-sebab perubahan yang dibenarkan untuk pemberian makanan/ minuman tambahan kepada bayi yang berumur enam bulan ke bawah	
<u>Appendik II</u>	51
Jadual 1 : Anggaran jumlah susu yang diperlukan oleh bayi dalam sehari	
Jadual 2 : Jumlah keperluan tenaga harian daripada makanan pelengkap	
Jadual 3 : Jumlah saranan pengambilan nutrien untuk bayi dan kanak-kanak kecil	
Jadual 4 : Cadangan amaun dan jenis makanan harian untuk bayi dan kanak-kanak kecil	
Jadual 5 : Contoh diet bagi makanan pelengkap dan anggaran kuantiti makanan tempatan untuk bayi dan kanak-kanak kecil	
<u>Appendik III</u>	55
Ahli Mesyuarat Konsensus Garis Panduan Pemberian Makanan Bayi dan Kanak-Kanak Kecil, 24 April 2007	

Prakata



Kerajaan Malaysia, sejak beberapa dekad yang lalu, telah mengiktiraf kepentingan penyusuan susu ibu dan pemakanan bayi. Dasar Penyusuan Susu Ibu Kebangsaan telah dirumus pada tahun 1993. Ianya telah dikaji semula pada tahun 2005 selari dengan Resolusi Perhimpunan Kesihatan Sedunia 54.2 (2001) di mana penyusuan susu ibu secara eksklusif disyorkan bagi enam bulan pertama kelahiran dan diteruskan sehingga dua tahun. Makanan pelengkap harus dimulakan pada umur enam bulan.

Pemakanan yang mencukupi adalah kritikal bagi kesihatan dan perkembangan kanak-kanak. Tempoh dari lahir sehingga dua tahun adalah penting memandangkan dalam tempoh ini, pertumbuhan dan perkembangan otak sedang berlaku. Amalan pemakanan yang tidak sempurna ditambah dengan kadar jangkitan penyakit yang tinggi adalah penyebab utama kekurangan zat makanan di kalangan kanak-kanak dalam lingkungan dua tahun pertama.

Atas sebab tersebut, adalah penting untuk memastikan ibu bapa dan penjaga diberi panduan yang lengkap mengenai pemberian makanan kepada bayi dan kanak-kanak. Adalah diharapkan dengan adanya Garis Panduan Pemberian Makanan Bayi dan Kanak-Kanak ini, anak-anak Malaysia akan mendapat pemakanan yang sempurna dan seterusnya dapat mencapai sepenuhnya potensi genetik mereka.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kumpulan Kerja Teknikal Pemakanan Bayi dan Kanak-Kanak serta semua individu dan agensi yang telah menyumbang kepada pembentukan Garis Panduan ini.

Dato' Sri Liow Tiong Lai
Menteri Kesihatan Malaysia

Penghargaan



Garis Panduan Pemberian Makanan Bayi dan Kanak-Kanak Kecil ini adalah hasil daripada konsultansi dan perbincangan yang terperinci oleh ahli-ahli Kumpulan Kerja Teknikal. Pada Februari 2007, Garis Panduan ini telah diluluskan oleh Kumpulan Kerja Teknikal (Garis Panduan) di bawah Jawatankuasa Penyelaras Bagi Makanan dan Pemakanan Kebangsaan (*National Coordinating Committee on Food and Nutrition, NCCFN*). Garis Panduan ini telah dimuktamadkan selepas konsensus dicapai dalam satu mesyuarat yang telah diadakan pada April 2007. Mesyuarat tersebut telah wakili oleh pakar pediatrik, pakar pemakanan, pegawai dietetik, ahli akademik serta wakil daripada pertubuhan bukan kerajaan.

Bagi pihak Kementerian Kesihatan Malaysia, saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua individu dari pelbagai organisasi yang telah memberi pandangan dan cadangan yang konstruktif. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli Kumpulan Kerja Teknikal Pemakanan Bayi dan Kanak-Kanak di atas segala usaha mereka dalam menghasilkan Garis Panduan ini :

1. Hajah Zainab Tambi (Penasihat)
2. Puan Fatimah Salim (Pengerusi)
3. Puan Rokiah Don
4. Encik Azmi Md Yusof
5. Puan Jamilah Ahmad
6. Dr. Zuraidah Abdul Latif
7. Puan Noor Safiza Mohamad Nor
8. Encik Ahmad Ali Zainuddin
9. Puan Nagaretnam Muniandi
10. Puan Sri Latha Nottath Bhaskaran
11. Puan Aida Azna Abu Hasan
12. Puan Rashadiba Ibrahim @ Rahman

Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Mohd. Ismail Merican
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Sememangnya diakui bahawa tempoh kelahiran seorang bayi sehingga dua tahun adalah tempoh yang kritikal bagi menggalakkan pertumbuhan yang optimum, kesihatan dan perkembangan tingkah laku. Ia adalah puncak umur di mana kebantutan tumbesaran, kekurangan nutrien dan penyakit lazim seperti cirit-birit mudah berlaku. Pertumbuhan yang terbantut tidak mudah dipulihkan selepas kanak-kanak berumur dua tahun. Dalam tempoh ini, pemakanan yang tidak mencukupi akan mengakibatkan peningkatan kadar morbiditi dan mortaliti yang ketara serta perkembangan mental dan motor yang terbantut. Kekurangan zat makanan di peringkat awal ini, dalam jangka masa panjang, dikaitkan dengan penurunan dalam pencapaian intelek, kapasiti untuk bekerja, hasil reproduktif serta kesihatan secara keseluruhannya, semasa remaja dan dewasa.

Di Malaysia, amalan pemberian makanan kepada bayi adalah masih kurang memuaskan. Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan Ketiga menunjukkan bahawa pada 2006, walaupun amalan penyusuan susu ibu adalah tinggi, kadar penyusuan secara eksklusif di kalangan bayi berumur bawah enam bulan hanyalah 14.5% (IPH, 2008). Dari segi amalan pemberian makanan pelengkap, hanya 41.4% bayi sahaja mendapat makanan pelengkap tepat pada masanya (iaitu di antara umur enam hingga sepuluh bulan). Makanan pelengkap juga dimulakan seawal umur bayi dua bulan. Tambahan lagi, hanya 55.9% kanak-kanak dalam lingkungan umur 9-23 bulan mendapat sekurang-kurangnya 3 hidangan makanan sehari.

Amalan pemberian makanan yang tidak sempurna adalah disebabkan kurangnya maklumat tentang jenis makanan yang sesuai, kuantiti yang seharusnya diberi, cara pemberian serta ketidakseimbangan dari segi kuantiti dan kualiti makanan. Sehubungan itu, Cawangan Pemakanan di Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menubuh sebuah Kumpulan Kerja Teknikal Pemakanan Bayi dan Kanak-Kanak pada bulan September 2005. Terma rujukan utama Kumpulan Kerja Teknikal ini adalah untuk menyediakan Garis Panduan Pemberian Makanan Bayi dan Kanak-Kanak Kecil yang menggariskan amalan pemakanan optima bagi semua bayi dan kanak-kanak kecil.

Kumpulan ini telah mengkaji penulisan berkenaan pemberian makanan kepada bayi dan kanak-kanak dari lahir hingga tiga tahun yang normal dan sihat serta amalan pemakanan bayi di Malaysia. Isu-isu berikut telah dikenalpasti dan perlu diberi tumpuan:

1. Tempoh yang optimum untuk penyusuan susu ibu secara eksklusif.
2. Umur yang sesuai untuk memulakan makanan pelengkap.
3. Keperluan tenaga dan nutrien bagi bayi yang diberi susu ibu dan yang tidak diberi susu ibu.
4. Keperluan tenaga yang perlu dibekalkan oleh makanan pelengkap.

5. Jenis makanan tempatan yang sesuai untuk membekalkan zat besi dan zink kepada bayi dan kanak-kanak di Malaysia.
6. Kesesuaian tekstur dan kekerapan pemberian makanan.
7. Amalan pemberian makanan semasa sakit.

Berdasarkan isu-isu tersebut, Kumpulan Kerja Teknikal telah menyediakan Garis Panduan Kebangsaan Pemberian Makanan Bayi dan Kanak-kanak Kecil. Sembilan prinsip telah dibentuk berdasarkan *Guiding Principles for Complementary Feeding of the Breastfed Child* (PAHO/WHO, 2001) dan *The Guiding Principles for Feeding of Non-Breastfed Children 6-24 months of Age* (WHO, 2005). Setiap prinsip tersebut disokong dengan rasional saintifik yang berkaitan.

Pemberian makanan pelengkap ditakrifkan sebagai proses permulaan, di mana susu ibu sahaja sudah tidak mencukupi untuk menampung keperluan nutrien bayi. Oleh yang demikian, makanan dan minuman lain diperlukan di samping susu ibu. Makanan atau minuman yang bukan berasaskan susu ibu yang diberi kepada kanak-kanak kecil adalah dipanggil makanan pelengkap. Makanan tersebut boleh dimasak khas untuk kanak-kanak atau terdiri daripada makanan keluarga (PAHO/WHO, 2008).

Prinsip-prinsip pemberian makanan ini menyediakan satu rangka kerja bagi pembentukan garis panduan dan sebagai rujukan untuk golongan profesional dalam bidang kesihatan serta mereka yang terlibat dalam penjagaan pemakanan kanak-kanak kecil. Prinsip-prinsip ini adalah untuk bayi dan kanak-kanak normal sehingga umur tiga tahun di dalam populasi umum dan tidak meliputi bayi dan kanak-kanak yang sedang pulih daripada malnutrisi akut atau keadaan kesihatan yang serius seperti bayi pra-matang. Ia juga digunapakai untuk bayi yang tidak menyusu susu ibu. Garis Panduan Diet Malaysia harus diguna pakai untuk kanak-kanak yang berumur lebih daripada tiga tahun.

Pelaksanaan prinsip-prinsip ini diharap dapat meningkatkan taraf pemakanan dan kualiti penjagaan kesihatan, sebagaimana yang telah digariskan dalam Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia 2006 – 2015 (NPANM 2006-2015).

Kumpulan Kerja Teknikal Garis Panduan Kebangsaan
Pemberian Makanan Bayi dan Kanak-kanak Kecil
Disember 2008



Garis Panduan Kebangsaan Bagi Pemberian Makanan Bayi Dan Kanak-Kanak Kecil

Untuk pertumbuhan dan tumbesaran yang optimum bagi bayi dan kanak-kanak kecil di Malaysia, semua bayi harus disusukan dengan susu ibu sahaja dari lahir sehingga berusia enam bulan. Makanan pelengkap harus diperkenalkan pada usia enam bulan sementara penyusuan susu ibu diteruskan sehingga anak berusia dua tahun. Pemberian makanan kepada bayi dan kanak-kanak kecil seharusnya tepat pada masa, mencukupi, selamat dan sesuai untuk dimakan. Ia boleh dicapai dengan mengaplikasikan sembilan garis panduan berikut.



Prinsip Pemberian Makanan

- 1** Amalkan penyusuan susu ibu secara eksklusif dari lahir hingga anak berusia enam bulan. Makanan pelengkap perlu diberi mulai umur enam bulan (180 hari) di samping meneruskan penyusuan susu ibu sehingga berumur dua tahun.
- 2** Mulakan pemberian makanan pelengkap kepada bayi yang menyusu susu ibu atau rumusan bayi apabila berusia enam bulan. Penyusuan susu ibu mengikut kehendak bayi perlu diteruskan sehingga bayi berumur dua tahun.
- 3** Beri makanan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan tenaga. Tingkatkan amaun makanan mengikut umur.
- 4** Beri pelbagai jenis makanan untuk memastikan semua keperluan nutrien dipenuhi. Daging, ayam, ikan, telur, susu dan produk tenusu perlu diberi dengan kerap.
- 5** Ubah tekstur serta cara penyediaan makanan secara beransur-ansur mengikut umur bayi dan disesuaikan dengan perkembangan serta keupayaannya.
- 6** Tingkatkan kekerapan pemberian makanan mengikut umur.
- 7** Amalkan pemberian makanan secara responsif dengan menggunakan prinsip penjagaan psikososial.
- 8** Amalkan penyediaan, pengendalian dan penyimpanan makanan secara selamat.
- 9** Semasa sakit, berikan bayi dan kanak-kanak lebih air dan cecair lain. Berikan hidangan yang kecil tetapi kerap.



Prinsip

1

Amalkan penyusuan susu ibu secara eksklusif dari lahir hingga anak berusia enam bulan. Makanan pelengkap perlu diberikan mulai umur enam bulan (180 hari) di samping meneruskan penyusuan susu ibu sehingga berumur dua tahun.

1. Penyusuan susu ibu harus dimulakan dalam tempoh satu jam selepas kelahiran.
2. Ibu perlu diberi tunjuk ajar cara untuk menyusukan bayi dengan betul.
3. Penyusuan susu ibu harus diberi dengan kerap dan mengikut kehendak bayi.
4. Bayi yang menyusu secara eksklusif tidak perlu diberi sebarang jenis air termasuk air kosong.
5. Penggunaan puting tiruan adalah tidak digalakkan kecuali atas nasihat profesional perubatan.
6. Susu ibu yang diperah atau susu tambahan (jika perlu) tidak digalakkan diberi menggunakan botol dan puting. Gunakan kaedah lain seperti cawan.
7. Semua bayi normal dan sihat yang berumur di bawah enam bulan harus diberi susu ibu sahaja melainkan atas sebab – sebab perubatan atas arahan profesional perubatan (Appendik I).
8. Bayi kepada ibu yang HIV positif tidak boleh diberi penyusuan susu ibu walaupun oleh ibu susuan. Ibu yang HIV positif harus menerima runding cara tentang pemakanan bayi, bimbingan dan tunjuk ajar cara penggunaan rumusan bayi yang betul dan selamat.
9. Bayi yang tidak menyusu ibu mesti diberi rumusan bayi yang diperkaya dengan zat besi. Maklumat lengkap mengenai cara penyediaan rumusan bayi yang bersih dan selamat serta implikasi kewangan perlu diberi secara individu. Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan mesti dipatuhi. Anggaran jumlah susu yang diperlukan oleh bayi dalam sehari ialah seperti di Appendik II, Jadual 1.
10. Untuk mengelakkan penggunaan rumusan bayi yang tidak selamat, sebarang keputusan untuk menukar jenis rumusan bayi harus dibuat atas nasihat profesional perubatan.



Prinsip

2

Mulakan pemberian makanan pelengkap kepada bayi yang menyusu susu ibu atau rumusan bayi apabila berusia enam bulan. Penyusuan susu ibu mengikut kehendak bayi perlu diteruskan sehingga bayi berumur dua tahun.

1. Mulakan makanan pelengkap hanya apabila bayi telah mencapai kordinasi saraf otot (*neuromuscular*) dan kematangan fisiologi.
2. Pengenalan makanan pelengkap di antara umur 4 hingga 6 bulan boleh dipertimbangkan, secara individu ke atas bayi yang mengalami pertumbuhan yang kurang memuaskan, setelah segala usaha untuk memperbaiki amalan penyusuan dilakukan.

Prinsip

3

Beri makanan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan tenaga. Tingkatkan amaun makanan mengikut umur.

1. Beri bayi dan kanak-kanak makanan yang padat dengan tenaga termasuk bijirin seperti beras, gandum dan ubi-ubian (kentang dan ubi keledak).
2. Mula dengan kuantiti makanan yang sedikit dan apabila bayi dapat menyesuaikan diri, tingkatkan kuantiti makanan secara beransur-ansur mengikut umur.
3. Sebagai panduan, bayi yang berumur 6 - 8 bulan perlu diberi **setengah cawan bubur nasi** pekat pada setiap hidangan. Ia harus ditingkatkan sehingga **1 cawan pada umur bayi 9 - 11 bulan**. Kanak-kanak yang berumur 1-3 tahun seharusnya diberi **setengah cawan nasi** pada hidangan utama. Selain itu, **1 - 2 camca teh minyak** perlu ditambahkan dalam hidangan sehari pada setiap peringkat umur.



Prinsip

4

Beri pelbagai jenis makanan untuk memastikan semua keperluan nutrien dipenuhi. Daging, ayam, ikan, telur, susu dan produk tenusu perlu diberi dengan kerap.

1. Jenis dan kuantiti makanan yang diberi mesti memenuhi keperluan nutrien harian terutamanya protein, lemak, kalsium, zat besi, vitamin A dan vitamin C.
2. Makanan daripada sumber haiwan seperti daging, ternakan, ikan dan telur perlu diberikan setiap hari kerana ia adalah sumber utama zat besi dan zink. Elakkan memberi putih telur kepada bayi. Diet yang tidak mengandungi sumber haiwan tidak dapat memenuhi keperluan nutrien pada peringkat umur ini melainkan sekiranya produk atau makanan yang diperkaya atau suplemen nutrien digunakan.
3. Produk hasil tenusu adalah kaya dengan sumber kalsium dan pelbagai nutrien lain. Bagi kanak-kanak kecil yang berumur enam bulan ke atas dan tidak menyusu susu ibu, susu daripada sumber lain perlu diambil setiap hari. Sekiranya pengambilan makanan daripada sumber haiwan lain adalah mencukupi, amaun susu yang perlukan ialah ~200 – 400 ml/hari. Jika tidak, jumlah susu yang diperlukan ialah ~300 – 500 ml/hari. Sekiranya bayi diberi rumusan bayi dan makanan daripada sumber haiwan lain, amaun susu yang diperlukan pada umur 6-12 bulan ialah ~300 – 500 ml/hari. Jika diet bayi tidak mengandungi makanan daripada sumber haiwan, amaun rumusan bayi yang diperlukan adalah ~400 – 550 ml/hari. Jenis susu yang boleh diberi termasuk rumusan bayi, rumusan susulan, susu penuh krim dan susu suhu ultra tinggi atau susu U.H.T. Susu segar mentah tidak disyorkan.
4. Sekiranya susu dan makanan daripada sumber haiwan tidak dimakan dengan mencukupi, sumber kekacang dan bijirin perlu diambil setiap hari, sebaik-baiknya dalam satu hidangan yang sama bagi menjamin kualiti protein yang mencukupi.
5. Buah-buahan dan sayur-sayuran yang kaya dengan vitamin A dan vitamin C harus dimakan setiap hari.

6. Penggunaan makanan yang diperkaya dengan zat besi juga digalakkan jika makanan diproses digunakan.
7. Diet harian harus mengandungi lemak yang mencukupi. Sebanyak 10 – 20 gm lemak atau minyak perlu ditambah dalam diet harian sekiranya sumber makanan daripada haiwan tidak diambil secara tetap, melainkan makanan kaya lemak seperti kacang dan bijian diberi. Sekiranya makanan daripada sumber haiwan diambil, sehingga 5 gm lemak atau minyak perlu ditambah.
8. Elakkan pemberian minuman yang mempunyai nilai kandungan nutrien yang rendah seperti teh, kopi, susu pekat manis, sirap, kordial dan minuman berkarbonat.
9. Hadkan pengambilan jus buah-buahan kerana ia boleh menyebabkan pengurangan pengambilan makanan berkhasiat yang lain.
10. Penggunaan suplemen vitamin dan mineral hanya boleh dipertimbangkan kepada bayi dan kanak-kanak yang menunjukkan tanda-tanda kekurangan zat makanan setelah dinilai serta mendapat nasihat daripada profesional perubatan.

Prinsip

5

Ubah tekstur serta cara penyediaan makanan secara beransur-ansur mengikut umur bayi dan disesuaikan dengan perkembangan serta keupayaannya.

1. Bayi berumur 6 hingga 8 bulan mesti diberi makanan yang dipuri, dilecek atau makanan separa pepejal. Dalam lingkungan umur 9 hingga 11 bulan, bayi perlu diberi makanan yang dicincang atau dipotong kecil. Makanan jejari (*finger food*) seperti biskut lembut dan buah-buahan juga boleh diberi. Pada umur 12 bulan, kanak-kanak boleh makan makanan keluarga.
2. Beri bayi makanan dengan tekstur yang bersesuaian bagi mengelakkannya daripada tercekik. Kanak-kanak perlu dipantau semasa waktu makan untuk mengelakkan kejadian berbahaya seperti tercekik. Penjaga perlu lengkapkan diri dengan pengetahuan asas tentang prosedur keselamatan akibat tercekik.





Prinsip

6

Tingkatkan kekerapan pemberian makanan mengikut umur.

1. Makanan pelengkap harus diberi berdasarkan kekerapan mengikut umur seperti berikut:

6 – 8 bulan : 2 - 3 kali sehari dengan 1 - 2 kali snek berkhasiat
9 – 11 bulan : 3 - 4 kali sehari dengan 1 - 2 kali snek berkhasiat
1 – 3 tahun : 4 - 5 kali sehari dengan 1 - 2 kali snek berkhasiat
2. Tambah kekerapan waktu makan sekiranya jumlah makanan yang diambil adalah kurang atau makanan yang dimakan adalah cair (kepadatan tenaga rendah).

Prinsip

7

Amalkan pemberian makanan secara responsif dengan menggunakan prinsip penjagaan psikososial.

1. Bayi perlu disuap manakala kanak-kanak kecil perlu dibantu apabila mereka makan sendiri.
2. Beri bayi dan kanak-kanak makan dengan perlahan dan kesabaran. Mereka perlu diberi galakan untuk makan tanpa dipaksa.
3. Peka kepada tanda-tanda yang menunjukkan bayi dan kanak-kanak lapar atau kenyang.
4. Wujudkan hubungan yang positif dan mesra dengan bayi dan kanak-kanak dalam persekitaran yang kondusif serta selesa. Berinteraksi dengan bayi dan kanak-kanak semasa waktu makan.



Prinsip

8

Amalkan penyediaan, pengendalian dan penyimpanan makanan secara selamat.

1. Kebersihan diri, peralatan memasak dan makanan perlu dititikberatkan bermula daripada peringkat penyediaan sehinggalah pemberian makanan kepada bayi dan kanak-kanak.
2. Basuh tangan dengan sempurna sebelum menyediakan makanan dan selepas menggunakan tandas. Tangan bayi dan kanak-kanak juga mesti dicuci dengan bersih sebelum makan.
3. Sebaik-baiknya, berikan bayi dan kanak-kanak makan makanan yang baru dimasak di rumah.
4. Makanan yang telah dimasak tidak boleh dibiarkan melebihi 2 jam pada suhu bilik. Walau bagaimanapun, makanan yang baru dimasak boleh disimpan di dalam peti sejuk sehingga 24 jam (3°C atau lebih rendah) atau satu bulan di dalam bahagian sejuk beku (0°C atau lebih rendah).
5. Peralatan yang bersih mesti digunakan untuk menyedia dan menghidangkan makanan.
6. Peralatan yang digunakan untuk memberi bayi dan kanak-kanak makan seperti sudu, cawan dan mangkuk mestilah bersih.
7. Pemberian makanan pelengkap dengan menggunakan botol dan puting hendaklah dielakkan.



Prinsip

9

Semasa sakit, berikan bayi dan kanak-kanak lebih air dan cecair lain. Berikan hidangan yang kecil tetapi kerap.

1. Teruskan penyusuan susu ibu dengan kerap.
2. Beri kanak-kanak makan makanan yang digemari.
3. Galakkan kanak-kanak untuk makan makanan yang lembut, pelbagai dan menyelerakan.
4. Setelah anak sembuh daripada sakit atau sedang pulih, beri dia makan lebih kerap dan galakkan dia makan lebih daripada biasa.



RASIONAL PRINSIP PEMBERIAN
MAKANAN BAYI DAN KANAK-KANAK
KECIL



Prinsip

1

Amalkan penyusuan susu ibu secara eksklusif dari lahir hingga anak berusia enam bulan. Makanan pelengkap perlu diberikan mulai umur enam bulan (180 hari) di samping meneruskan penyusuan susu ibu sehingga berumur dua tahun.

Konsultansi Pakar Pertubuhan Kesihatan Sedunia berkenaan dengan Tempoh Optimum Bagi Penyusuan Susu Ibu Secara Eksklusif (WHO, 2001) telah mempertimbangkan bukti-bukti saintifik dan membuat kesimpulan bahawa penyusuan susu ibu secara eksklusif bagi bayi sejak lahir sehingga 6 bulan memberi pelbagai faedah kepada bayi dan ibu. Kajian sistematik yang dijalankan telah mengenal pasti dan merumuskan beberapa kajian perbandingan di antara penyusuan susu ibu secara eksklusif selama 4 hingga 6 bulan dengan penyusuan eksklusif selama 6 bulan dari aspek pertumbuhan, status zat besi bayi, morbiditi, penyakit atopik, perkembangan saraf motor, pengurangan berat badan post partum dan amenorea. Di antara faedah utama yang terbukti ialah perlindungan dari jangkitan gastrousus bayi. Ia bukan sahaja berlaku di negara-negara membangun malah juga di negara-negara perindustrian. Bukti lain juga menunjukkan bahawa penyusuan susu ibu secara eksklusif selama enam bulan boleh meningkatkan perkembangan motor dan kecerdikan bayi. Walau bagaimanapun, lebih banyak kajian perlu dijalankan untuk mengesahkannya. Penyusuan susu ibu secara eksklusif selama enam bulan juga memberi manfaat kepada ibu seperti membantu melewati kedatangan haid selepas bersalin dan mempercepatkan pengurangan berat badan.

Konsultansi Pakar tersebut mendapati bahawa di peringkat populasi, penyusuan susu ibu secara eksklusif dari lahir sehingga enam bulan tidak mendatangkan kesan negatif terhadap pertumbuhan bayi. Keperluan nutrien bayi yang lahir cukup bulan dengan berat lahir yang normal boleh dipenuhi dengan susu ibu sahaja untuk tempoh enam bulan pertama sekiranya taraf pemakanan ibu adalah baik (WHO / UNICEF, 1998).

Secara umum, kuantiti susu ibu tidak dipengaruhi oleh status pemakanan ibu melainkan jika pengambilan makanannya kurang daripada 60% Saranan Pengambilan Makanan (*Institute of Medicine, 1991*). Walau bagaimanapun, tahap beberapa nutrien di dalam susu ibu mungkin rendah sekiranya pemakanan ibu tidak seimbang, terutamanya bagi vitamin-vitamin tertentu seperti vitamin A dan vitamin B (WHO, 1998). Lanjutan daripada laporan Konsultansi Pakar tersebut, Perhimpunan Kesihatan Sedunia ke-54 pada bulan Mei 2001, menyeru negara-negara anggota untuk menggalakkan penyusuan susu ibu secara eksklusif bagi enam bulan pertama sebagai satu syor kesihatan awam global (World Health Assembly, 2001).

Menurut Pakar Konsultansi, amalan pemberian makanan pelengkap kepada bayi yang berumur bawah enam bulan kurang memberi manfaat kepada pertumbuhan sempurna seseorang bayi, walaupun bayi tersebut berada dalam keadaan yang optimum (mendapat pemakanan yang berkhasiat, selamat dan bebas daripada sebarang pencemaran). Di samping itu, pemberian makanan pelengkap sebelum bayi berumur enam bulan juga boleh menggantikan pengambilan susu ibu. Walau bagaimanapun, selepas bayi berumur enam bulan, pengambilan susu ibu sahaja tidak akan dapat memenuhi keperluan nutrien seseorang bayi (WHO/ UNICEF, 1998). Mengikut perkembangan normal, kebanyakan bayi telah bersedia untuk makan makanan lain semasa berumur kira-kira enam bulan (Naylor and Morrow, 2001).

Banyak kajian menunjukkan bahawa pemberian makanan pelengkap dan cecair lain yang terlalu awal akan menyebabkan penyusuan susu ibu diberhentikan awal dan menyumbang kepada beberapa masalah kesihatan termasuk alahan dan cirit-birit.

Bayi kepada ibu yang HIV positif tidak harus disusui dengan susu ibu memandangkan risiko jangkitan HIV ibu kepada anak adalah 10% – 20% sekiranya susu ibu diberikan selama 18 – 24 bulan (WHO, 2004). Ini juga selari dengan Polisi Penyusuan Susu Ibu Bagi Bayi-Bayi Yang Dilahirkan Oleh Ibu-Ibu Yang Positif HIV, Kementerian Kesihatan Malaysia (2002). Pemberian susu ibu oleh ibu susuan juga tidak disyorkan memandangkan terdapat kemungkinan bayi yang dijangkiti menyebarkan virus HIV kepada ibu susuannya (WHO, 2004).

Bayi yang tidak menyusu susu ibu dengan alasan tertentu harus diberi rumusan bayi yang diperkayakan dengan zat besi. Penggunaan awal rumusan yang diperkayakan dengan zat besi boleh membantu mencegah berlakunya kekurangan zat besi pada masa akan datang. Bayi yang menyusu rumusan yang diperkayakan dengan zat besi (sehingga 12 mg/L) sepanjang tahun pertama boleh dijamin mempunyai simpanan zat besi yang mencukupi dan kurang mengalami masalah kekurangan zat besi pada umur 6 - 18 bulan (AAP, 1989). Di Malaysia, di bawah Akta Makanan (1983) dan Peraturan Makanan (1985), rumusan bayi yang diperkaya mestilah mencapai tahap zat besi paling minimum yang dibenarkan iaitu 1 mg zat besi bagi setiap 100 kkal rumusan bayi.

Penggunaan rumusan bayi berasaskan soya sebagai alternatif kepada susu ibu adalah tidak digalakkan melainkan atas nasihat profesional perubatan. Bayi yang disahkan mempunyai alahan terhadap protein susu lembu pada kebiasaannya juga sensitif terhadap protein soya. Bayi tersebut tidak harus diberi rumusan berasaskan *isolated soy-protein* secara rutin. Mereka perlu diberi rumusan daripada protein susu lembu terhidrolisis atau asid amino sintetik. Rumusan protein soya tidak disarankan untuk bayi pramatang yang mempunyai berat badan kurang daripada 1800 g. Kajian membuktikan bahawa pertambahan berat dan panjang adalah perlahan di kalangan bayi yang diberi rumusan protein soya (AAP, 1998).

Pihak Berkuasa Keselamatan Makanan Eropah (*The European Food Safety Authority*) tidak menyarankan penggunaan rumusan bayi berasaskan protein susu kambing kerana tiada data yang lengkap untuk menunjukkan insiden alahan pada bayi yang meminumnya adalah kurang berbanding rumusan berasaskan susu lembu. Bukti mengenai kecukupan nutrien dan keselamatan bayi yang meminum protein susu kambing dalam rumusan bayi dan rumusan susulan juga belum kukuh (UK Department of Health, 2007).

Prinsip

2

Mulakan pemberian makanan pelengkap kepada bayi yang menyusu susu ibu atau rumusan bayi apabila berusia enam bulan. Penyusuan susu ibu mengikut kehendak bayi perlu diteruskan sehingga bayi berumur dua tahun.

Beberapa kajian yang dijalankan di negara-negara membangun dan perindustrian menunjukkan bahawa pengenalan awal makanan pelengkap meningkatkan kadar morbiditi dan mortaliti bayi akibat pengurangan pengambilan faktor perlindungan yang terkandung di dalam susu ibu. Tambahan pula, makanan pelengkap boleh menjadi sumber pencemaran utama kepada bayi (Dewey et al., 1999).

Pengenalan awal kepada makanan pelengkap boleh membawa kepada beberapa keburukan memandangkan makanan ini menggantikan sebahagian daripada susu ibu dan biasanya ia mempunyai nilai nutrien yang lebih rendah berbanding dengan susu ibu, misalnya makanan yang terlalu cair. Tempoh penyusuan susu ibu secara eksklusif yang lebih singkat tidak dapat melindungi tumbesaran bayi sebagaimana penyusuan susu ibu secara eksklusif selama enam bulan (WHO / UNICEF, 1998). Selepas bulan ke-enam, penggantian susu ibu dengan makanan pelengkap kurang mendatangkan masalah (PAHO / WHO, 2003).

Pengenalan awal makanan pelengkap juga memendekkan tempoh penyusuan susu ibu (Zeitlin and Ahmed, 1995) dan mengganggu pengambilan nutrien penting yang terkandung di dalam susu ibu, seperti zat besi (Osiki et al., 1980) dan zink (Bell et al., 1987) serta mengurangkan keberkesanan penyusuan dalam menjarakkan kehamilan (Mcneilly et al., 1985).

Kanak-kanak yang berumur 12 hingga 23 bulan yang menyusu susu ibu lebih kurang 550g/hari akan dapat memenuhi 35 - 40% jumlah keperluan tenaga hariannya, 70% keperluan vitamin A, 40% keperluan kalsium dan 37% keperluan riboflavin daripada susu ibunya (Dewey and Brown, 2003). Tempoh penyusuan susu ibu yang lebih lama memberi faedah lain termasuk mengurangkan risiko penyakit kronik di kalangan kanak-kanak, obesiti dan meningkatkan kebolehan kognitif yang lebih baik (WHO, 2003).

Mesyuarat Tidak Rasmi Pertubuhan Kesihatan Sedunia Mengenai Pemberian Makanan Kanak-Kanak 6 - 24 Bulan Yang Tidak Menyusu Susu Ibu menyarankan agar makanan pepejal diperkenalkan kepada bayi pada umur enam bulan bagi bayi yang tidak diberi susu ibu (WHO, 2004). Bagi kebanyakan bayi, susu ibu atau/dan rumusan bayi membekalkan kesemua nutrien yang diperlukan untuk tempoh enam bulan pertama selepas kelahiran. Amana nutrien adalah signifikan tetapi berubah selepas tempoh tersebut (Butte et. al, 2004).

Bukti yang sedia ada menunjukkan bahawa masa yang optimum untuk memulakan makanan pepejal kepada bayi yang menyusu rumusan bayi seharusnya sama seperti bayi yang menyusu dengan susu ibu. Kajian secara rawak yang dijalankan di Amerika Syarikat mendapati apabila makanan pepejal menggantikan rumusan bayi, tidak terdapat peningkatan bersih dari segi pengambilan tenaga, tidak kira sama ada makanan pepejal diperkenalkan pada usia tiga atau enam bulan. Tidak terdapat kelebihan dari segi pertumbuhan sama ada makanan pepejal diperkenalkan awal atau pada usia bayi enam bulan (SACN, 2003). Kumpulan Pemakanan Bayi dan Ibu di bawah Jawatankuasa Penasihat Saintifik Pemakanan (*The Scientific Advisory Committee on Nutrition*) United Kingdom membuat kesimpulan bahawa tidak terdapat risiko jika pengenalan makanan pepejal kepada bayi ditangguhkan sehingga berumur enam bulan bagi yang menyusu susu ibu dan rumusan bayi atau yang menyusu rumusan bayi sahaja (SACN, 2003).

Kajian tentang kesediaan bayi untuk menerima makanan pepejal dari aspek kematangan fisiologikal telah diterbitkan pada April 2001 (Naylor and Morrow, 2001). Aspek ini merangkumi perkembangan sistem imun bayi, kematangan saluran pencernaan dan perkembangan oral yang berkaitan dengan peralihan daripada pengambilan diet cair kepada separa pepejal dan makanan pejal. Kumpulan pakar penyelidik membuat kesimpulan bahawa walaupun masih terdapat kebaikan lain yang belum diketahui, kebanyakan bayi yang dilahirkan cukup bulan telah bersedia untuk memulakan pengambilan makanan pepejal pada usia hampir enam bulan atau lebih.

Kemahiran awal "mengunyah" dapat dilihat ketika bayi berusia empat hingga tujuh bulan. Manakala kemahiran makan dengan menggunakan sudu secara aktif diperolehi pada umur tujuh hingga dua belas bulan di mana bibir atas digerakkan ke bawah untuk membersihkan sudu (WHO, 1998).

Prinsip

3

Beri makanan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan tenaga. Tingkatkan amaun makanan mengikut umur.

Jumlah keperluan tenaga bagi bayi yang sihat dan menyusu susu ibu adalah sebanyak 615 kkal/hari pada umur 6 hingga 8 bulan, 686 kkal/hari pada 9 hingga 11 bulan dan 894 kkal/hari pada 12 hingga 23 bulan (Appendik II, Jadual 2).

Nilai tersebut agak tinggi sedikit apabila berdasarkan kumpulan bayi yang diberi susu ibu dan rumusan (634, 701 dan 900 kkal/hari untuk 6 hingga 8, 9 hingga 11 dan 12 hingga 23 bulan) memandangkan kadar metabolisme rehat bayi yang menyusu susu formula adalah lebih tinggi (WHO, 2004). Jumlah keperluan tenaga bagi bayi yang diberi susu ibu telah digunakan sebagai rujukan standard untuk pengiraan keperluan tenaga yang dibekalkan oleh makanan pelengkap.

Berdasarkan Saranan Pengambilan Nutrien Malaysia 2005, keperluan tenaga harian kanak-kanak yang berumur dua hingga tiga tahun adalah 980 kkal untuk lelaki dan 910 kkal untuk perempuan. Puratanya adalah 945 kkal setiap hari (Appendik II, Jadual 2).

Bermula dari 6 bulan ke atas, jumlah tenaga yang dibekalkan oleh susu (susu ibu atau rumusan bayi) tidak dapat menampung peningkatan keperluan bagi kanak-kanak yang semakin membesar. Ini bermakna, makanan pelengkap diperlukan untuk memenuhi keperluan tersebut. Oleh yang demikian, kuantiti makanan yang diperlukan oleh kanak-kanak perlu ditingkatkan supaya mereka dapat membesar secara optimum.

Jumlah keperluan tenaga harian daripada makanan pelengkap dikira berdasarkan formula berikut:

Keperluan tenaga daripada makanan lengkap =
Jumlah keperluan tenaga - Purata tenaga daripada pengambilan susu (susu ibu atau susu rumusan)

Jumlah pengambilan harian daripada makanan pelengkap adalah 200 kkal untuk bayi yang berumur 6 hingga 8 bulan dan 300 kkal untuk bayi yang berumur 9 hingga 11 bulan. Kanak-kanak kecil yang berumur 1 hingga 3 tahun yang masih menyusu ibu memerlukan sukatan tenaga harian di antara 500 hingga 600 kkal daripada makanan pelengkap.

Prinsip

4

Beri pelbagai jenis makanan untuk memastikan semua keperluan nutrien dipenuhi. Daging, ayam, ikan, telur, susu dan produk tenusu perlu diberi dengan kerap.

Jenis dan kuantiti makanan:

Saranan pengambilan nutrien untuk bayi dan kanak-kanak kecil yang digunakan dalam garis panduan ini adalah berdasarkan kepada dua sumber rujukan. Keperluan untuk bayi di bawah umur 12 bulan adalah berdasarkan *FAO/ WHO Expert Consultation on Vitamin and Mineral 2002*. Keperluan untuk kanak-kanak yang berusia satu hingga tiga tahun adalah berdasarkan Saranan Pengambilan Nutrien Malaysia, 2005. Ia diringkaskan dalam Jadual 3 Appendix II. Jenis dan amaun makanan harian dan satu contoh menu adalah seperti dalam Jadual 4 dan 5 pada Appendix II .

Untuk menilai kemungkinan penggunaan beberapa jenis diet bagi memenuhi keperluan kanak-kanak berumur 6 - 24 bulan, teknik analisa program linear telah dilakukan pada data dari lima negara membangun (Dewey et.al., 2004). Hasil kajian menunjukkan bahawa diet berasaskan tumbuhan sebagai bahan utama dan tidak diperkaya seperti nasi, tidak dapat memenuhi keperluan protein dan mikronutrien, terutamanya zat besi, zink, kalsium dan vitamin B12. Oleh itu, makanan seperti daging, ternakan, ikan dan telur perlu diberi setiap hari. Makanan berasaskan haiwan juga merupakan sumber protein yang berkualiti tinggi. Walaupun kekurangan protein jarang berlaku pada peringkat bayi, ia tetap menjadi kebimbangan bagi populasi yang bergantung sepenuhnya kepada makanan asas yang rendah kandungan protein, seperti ubi kayu (WHO, 2005). Selain itu, kebanyakan makanan yang berasaskan tumbuhan mempunyai ketidakseimbangan kandungan asid amino perlu. Bijirin biasanya mempunyai kandungan lysine yang rendah, manakala kekacang mempunyai kandungan amino asid sulfur yang rendah. Dengan menggabungkan bijirin dan kekacang, protein berkualiti dapat diperolehi secukupnya. Oleh itu, apabila makanan daripada sumber haiwan tidak dimakan dalam amaun yang mencukupi, bijirin dan kekacang perlu dimasukkan dalam diet harian, sebaik-baiknya di dalam hidangan yang sama.

Potensi reaksi alahan yang berkaitan dengan pengambilan sesetengah makanan berprotein tinggi di peringkat bayi menjadi satu kebimbangan di beberapa buah negara perindustrian (alahan terhadap makanan adalah kurang di kalangan negara-

negara membangun). Sebagai contoh, Akademi Pakar Kanak-Kanak Amerika mengesyorkan bayi yang mempunyai sejarah keluarga yang mengalami alahan tidak seharusnya mengambil susu lembu sehingga setahun, telur sehingga dua tahun dan kacang tanah, buah-buahan keras, ikan dan kerang-kerangan sehingga berumur tiga tahun (AAP, 2004). Sebaiknya, terdapat bayi yang berumur 6 bulan ke atas yang boleh mengambil sehingga 4 biji telur kuning dalam diet mereka tanpa sebarang risiko hiperkolesterolemia atau tindak balas alahan (Gibson et. al., 1998).

Pengelakan makanan yang disahkan berpotensi menyebabkan alahan disangka boleh melambatkan atau mencegah alahan makanan dan dermatitis atopik di kalangan bayi berisiko tinggi. Walau bagaimanapun, tidak terdapat kajian terkawal yang menunjukkan diet yang terhad selepas umur enam bulan dapat mencegah masalah alahan. Oleh yang demikian, kumpulan pakar antarabangsa tidak mengesyorkan sebarang pembatasan jenis makanan untuk bayi (WHO, 2004).

Saranan penyediaan makanan harian yang kaya dengan vitamin A dan C adalah berdasarkan faedah kesihatan yang berkait dengan pencegahan kekurangan vitamin A dan C. Tambahan pula, makanan yang kaya dengan vitamin C adalah penting untuk menggalakkan penyerapan zat besi tanpa heme (*non-heme iron*).

Bagi memenuhi keperluan nutrien seperti zat besi dan zink, pengambilan makanan daripada sumber haiwan selain daripada hasil tenusu diperlukan, kecuali jika suplemen mikronutrien atau produk yang difortifikasi diambil. Akaun protein yang dimasukkan dalam analisis program linear adalah 50g telur (1 telur/ sehari) dan 14 - 75g/ sehari bagi daging, hasil ternakan, ikan atau hati (Dewey et. al., 2004). Walau bagaimanapun, di Malaysia, bayi dan kanak-kanak tidak mengambil jumlah makanan sumber haiwan yang ditetapkan setiap hari (IDH, 2008). Malah, walaupun pengambilan makanan daripada sumber haiwan diambil, jumlah zat besi masih tidak dapat memenuhi keperluan harian. Oleh itu, dalam sesetengah keadaan, suplemen nutrien atau makanan yang difortifikasi menjadi keperluan.

Susu dan produk tenusu

Produk tenusu adalah sumber yang penting bagi nutrien seperti protein, kalsium dan riboflavin. Jumlah susu yang diperlukan kanak-kanak untuk memenuhi keperluan nutrien mereka bergantung kepada pengambilan makanan lain. Kajian oleh Dewey et al., 2004, menunjukkan bahawa apabila diet kanak-kanak tidak mengandungi makanan yang diperkayakan mahu pun suplemen dan jika makanan sumber haiwan lain turut diambil, jumlah susu yang diperlukan adalah di antara ~200 - 400 ml sehari. Manakala sekiranya makanan sumber haiwan lain tidak diambil, maka ~300 - 500 ml susu diperlukan dalam sehari.

Rumusan bayi komersial adalah satu pilihan apabila ia mudah didapati, mampu dibeli, dapat digunakan dengan selamat. Ia adalah lebih baik berbanding susu haiwan lain. Susu mentah (susu yang tidak dididih atau dipasteurkan) perlu dielakkan kerana risiko jangkitan penyakit.

Produk susu yang difermentasikan (seperti dadih) berpotensi untuk mengurangkan risiko jangkitan akibat pencemaran kerana ia mempunyai tahap ketahanan yang tinggi terhadap pertumbuhan bakteria dan lebih mudah disuap menggunakan sudu (WHO, 2004). Fermentasi boleh meningkatkan penyerapan mineral dalam badan. Kandungan probiotik dalam susu yang difermentasikan juga memberi kesan baik dalam mengalakkan pertumbuhan mikroflora dalam saluran gastrousus.

Susu penuh krim adalah sumber utama lemak bagi kanak-kanak berumur 6 bulan ke atas. Susu skim (tanpa lemak) tidak disyorkan sebagai sumber makanan utama bagi kanak-kanak dibawah umur dua tahun kerana ia tidak mengandungi asid lemak perlu dan vitamin larut lemak serta mempunyai *potential renal solute load* yang tinggi. Susu rendah lemak (*semi-skimmed*) boleh diberi selepas umur 12 bulan.

Susu pekat manis mempunyai kandungan gula dan osmolariti yang sangat tinggi. Oleh itu, ia tidak sesuai diberikan kepada bayi. Produk gantian susu (seperti krimer, susu soya) juga tidak sesuai untuk bayi kerana kandungan nutriennya tidak setara dengan susu haiwan.

Kandungan lemak:

Lemak memainkan peranan penting dalam diet kanak-kanak kerana ia membekalkan asid lemak perlu serta membantu penyerapan vitamin larut-lemak. Ia juga menambah kepadatan tenaga dalam diet di samping mempertingkatkan fungsi deria. Walaupun terdapat percanggahan pendapat mengenai amaun lemak yang optima di dalam diet bayi dan kanak-kanak, namun julat jumlah tenaga sebanyak 30 - 45% telah disyorkan (Dewey and Brown, 2003). Anggaran ini tidak terlalu rendah sehingga menjejaskan penyerapan asid lemak perlu dan memberi kepadatan tenaga yang rendah, mahupun terlalu tinggi sehingga menyebabkan kegemukan dan risiko penyakit kardiovaskular di masa akan datang walaupun bukti mengenai kaitan ini masih terhad (Milner and Allison, 1999).

Dalam penganalisaan program linear oleh Dewey et al. (2004), diet yang digunakan membekalkan sebanyak 30% lemak. Apabila makanan sumber haiwan yang mengandungi lemak kerap diambil (contohnya, susu lembu penuh krim), hanya sedikit lemak tambahan diperlukan (sehingga 5g sehari). Walau bagaimanapun, jika makanan sumber haiwan tidak diambil dengan kerap, 10 hingga 20 g lemak atau minyak tambahan diperlukan.

Minuman yang mengandungi nilai nutrien yang rendah:

Teh dan kopi mengandungi bahan-bahan yang boleh mengganggu penyerapan zat besi dan pengambilannya oleh kanak-kanak tidak disarankan (WHO, 2004). Minuman manis, seperti minuman ringan, harus dielak kerana ia kurang mengandungi nutrien lain selain tenaga. Ia juga mengurangkan selera kanak-kanak untuk mengambil makanan yang berkhasiat. Pengambilan jus yang berlebihan juga boleh mengurangkan selera kanak-kanak terhadap makanan lain dan boleh menyebabkan najis cair. Oleh yang demikian, Akademi Pakar Kanak-Kanak Amerika (2004) mengesyorkan pengambilan jus buah tidak melebihi 180 ml setiap hari.

Suplemen Vitamin dan mineral tambahan:

Diet yang berasaskan sumber tumbuhan, lazimnya, tidak mengandungi nutrien penting yang mencukupi (terutamanya zat besi, zink dan kalsium) untuk memenuhi saranan pengambilan nutrien pada umur 6 - 24 bulan (WHO, 2004). Kajian di kalangan populasi yang berpendapatan tinggi di negara membangun menunjukkan bahawa bayi yang dilahirkan dengan berat badan normal dan menyusu secara eksklusif, mempunyai risiko rendah untuk mengalami anemia sebelum mencecah sembilan bulan, walaupun status zat besi yang rendah mungkin berlaku di antara enam dan sembilan bulan (Lonnerdal and Hernell, 1994). Pengambilan makanan berasaskan sumber haiwan boleh memenuhi jurang kekurangan zat besi tetapi ia agak mahal dan tidak begitu praktikal bagi golongan yang berpendapatan rendah. Tambahan pula, amau makanan dari sumber haiwan yang boleh diambil oleh bayi (contohnya, pada 6 hingga 12 bulan) biasanya tidak mencukupi untuk menangani kekurangan bekalan zat besi (Dewey et al., 2004). Kesukaran memenuhi amau nutrien dapat diatasi dengan pengambilan makanan yang diperkaya. Walau bagaimanapun, suplemen vitamin dan mineral boleh diberi di bawah penyeliaan perubatan.

Prinsip

5

Ubah tekstur dan cara penyediaan makanan secara beransur-ansur mengikut umur bayi, serta disesuaikan dengan perkembangan dan keupayaan bayi.

Tahap perkembangan neuromuskular bayi menentukan umur minima bayi boleh mengambil jenis makanan tertentu (WHO / UNICEF, 1998). Di peringkat permulaan, hanya makanan jenis separa pepejal atau makanan yang dikisar diperlukan. Ini diteruskan sehingga bayi mula boleh mengunyah (pergerakan mandibular ke atas dan ke bawah) atau boleh mengisar makanan dengan gigi. Bayi boleh makan makanan yang dilecek, separa pepejal dan dipuri. Pada umur lapan bulan, kebanyakan bayi boleh makan "makanan jejari" dan pada umur 12 bulan, kebanyakan kanak-kanak boleh makan makanan keluarga (WHO, 2005). Ini adalah keupayaan yang lazim bagi bayi normal yang sihat. Apabila makanan yang diberikan tidak sesuai dari segi kepekatannya, kanak-kanak mungkin tidak dapat makan dengan banyak atau mengambil masa yang lama untuk makan.

Lazimnya, kebanyakan kanak-kanak masih diberi makanan separa pepejal walaupun berumur lebih dari umur 12 bulan (Dewey and Brown, 2003). Ini kerana kanak-kanak dianggap lebih mudah makan makanan tersebut dan penjaga tidak memerlukan masa yang lama untuk memberi mereka makan. Walau bagaimanapun, terdapat bukti bahawa adanya "tempoh kritikal" untuk memperkenalkan makanan pepejal dan jika pemberian ini ditangguhkan sehingga melewati 10 bulan, ia mungkin meningkatkan risiko masalah pemberian makanan pada masa akan datang (WHO, 2004). Oleh yang demikian, walaupun pemberian makanan separa pepejal dapat menjimatkan masa penjaga, namun bagi perkembangan bayi yang optima, adalah dinasihatkan supaya tekstur makanan diubah secara beransur-ansur, bersesuaian dengan umur bayi.

Bayi adalah lebih berisiko untuk tercekik kerana mereka tidak mahir untuk mengunyah dan menelan serta mempunyai saluran udara yang sempit berbanding dengan kanak-kanak. *United States Food and Drug Administration* mencadangkan agar bayi tidak diberi makanan berkiub atau makanan berketul bersaiz lebih daripada suku inci (USFDA, 2005).

Prinsip

6

Tingkatkan kekerapan pemberian makanan mengikut umur.

Bayi yang berumur 6 – 8 bulan patut diberi makanan pelengkap 2 - 3 kali sehari dengan 1 – 2 kali snek berkhasiat. Bayi yang berumur 9 – 11 bulan pula perlu diberi 3 - 4 kali sehari dengan 1 – 2 kali snek berkhasiat. Prinsip ini adalah berdasarkan teori anggaran jumlah pemberian makanan yang diperlukan, yang dikira daripada saranan keperluan tenaga dan andaian kapasiti gastrik ialah 30 g/kg berat badan/hari serta dengan makanan dengan ketumpatan minimanya 0.8 kkal/g (Dewey and Brown, 2003).

Untuk menentukan kekerapan hidangan minima untuk bayi, keperluan tenaga daripada makanan pelengkap adalah berdasarkan jumlah keperluan tenaga harian yang spesifik mengikut umur ditambah 2 sisihan piawai, untuk memenuhi keperluan hampir kesemua kanak-kanak (WHO, 2005; PAHO / WHO, 2001). Bayi yang kurang menyusu susu ibu atau mengambil makanan pelengkap yang kurang kepadatan tenaganya (0.6 kkal/g) memerlukan kekerapan hidangan yang lebih. Oleh itu, tidak semua kanak-kanak memerlukan bilangan kekerapan yang sama. Memandangkan kerana sukar untuk mengetahui samada kanak-kanak memerlukan tenaga yang tinggi atau rendah, para penjaga seharusnya prihatin terhadap tanda-tanda kanak-kanak lapar dalam menentukan kekerapan dan jumlah makanan yang harus diberi. Pemberian hidangan yang terlalu kerap daripada yang sepatutnya boleh mengurangkan pengambilan susu ibu.

Prinsip

7

Amalkan pemberian makanan secara responsif dengan menggunakan prinsip penjagaan psikososial.

Cara pemberian makanan semakin dikenali sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi pemakanan bayi dan kanak-kanak. Makanan pelengkap yang optimum bukan sahaja bergantung kepada apa yang diberi tetapi juga bagaimana, bila, di mana dan siapa yang memberi makan (WHO, 2004). Kajian tingkah laku mendapati pemberian makanan secara "sambil lewa" (*laissez - faire*) menjadi kebiasaan dalam sesetengah komuniti. Kanak-kanak tidak diberi galakan untuk makan kecuali jika mereka menolak makanan atau semasa sakit. Adalah dihipotesiskan bahawa cara pemberian yang lebih aktif boleh meningkatkan pengambilan makanan oleh kanak-kanak.

